

18



www.hmetro.com.my



@hmetromy



HarianMetro



@hmetromy

lokal

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Menyasarkan pekerja warga Bangladesh dengan menawarkan pinjaman wang tanpa lesen.

Itu antara kegiatan dilakukan ceti haram atau Along Bangladesh yang dikesan berselindung di sebalik aktiviti syarikat berdaftar di Kuala Lumpur.

Kegiatan itu bagaimanapun dibongkar selepas dua lelaki warga Bangladesh ditahan dalam operasi khas di sebuah kediaman di Bukit Bintang di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 1 pagi itu, salah seorang suspek sempat melompat keluar ke koridor rumah bersebelahan untuk bersembunyi bagi mengelak dicekup pasukan Bahagian Perisikan dan Operasi Khas Jabatan Imigresen.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaikee Daud berkata, anggota pa-

SERBU ALONG BANGLADESH

Pinjaman wang tanpa lesen sasar warga senegara

sukannya terpaksa memecahkan pintu premis kediaman berkenaan berikutan penghuninya enggan memberi kerjasama.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui lima warga asing berada di premis berkenaan dan soal siasat mengenal pasti identiti suspek utama sebagai Along Bangladesh.

“Pasukan Imigresen mengambil masa selama dua jam untuk menjelajai suspek dan berjaya menahannya yang bersembunyi di tingkat tiga bangunan bersebelahan.

“Susulan penahanan suspek, Jabatan Imigresen berjaya menumpaskan satu sindiket pinjaman wang atau ceti

haram dikenali Along Bangladesh,” katanya.

Menurutnya, hasil operasi itu pihaknya menemui sembilan keping pasport Bangladesh dan wang tunai sebanyak RM50,000 dipercaiyai hasil aktiviti pinjaman dan penghantaran wang tanpa lesen.

“Selain itu, kami menemui sejumlah dokumen berkaitan sebuah syarikat dan beberapa kontrak penyewaan bangunan dipercayai digunakan untuk menjalankan kegiatan berkenaan.

“Sindiket itu dipercayai menjalankan kegiatan memberi pinjaman wang dan kiriman wang tidak berlesen kepada warga asing di sekitar Kuala Lum-

pur,” katanya.

Menurutnya, siasatan awal mendedahkan modus operandi sindiket ini adalah dengan menujuhan syarikat secara sah bagi mengaburi kegiatan daripada dihidu pihak berkuasa.

Katanya, sindiket itu dipercayai menjalankan kegiatan sejak setahun yang lalu dengan menjadikan pekerja warganegara Bangladesh sebagai pelanggan dan sasaran.

“Seramai dua warga Bangladesh berumur 23 dan 41 tahun selain dalam utama sindiket itu ditahan mengikut Seksyen 51(5) (b) Akta Imigresen 1959/63 selama 14 hari untuk siasatan lanjut,” katanya.